

**TITAH UCAPAN  
DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DI-PERTUAN BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
DI ISTIADAT PERSIDANGAN PERTAMA (PERASMIAN)  
PENGGAL KEDUA,  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14  
PADA 22 APRIL 2019**

**Bismillahhir Rahmanir Rahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sekalian.**

1. Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya juga, Beta bersama Tunku Ampuan Besar dapat berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14 pada pagi ini. Seterusnya Beta bersyukur kerana dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk melaksanakan amanah bagi menaungi serta memayungi negeri tercinta ini. Beta juga bersyukur dengan kehadiran Orang Kaya Beta dan Tunku Besar Tampin.

### **Perpaduan dan Keharmonian**

2. Negeri Sembilan terus membangun di mana setiap lapisan rakyat daripada pelbagai kaum, agama dan budaya telah dapat menikmati kemakmuran dan hidup dalam keadaan sejahtera. Adalah menjadi harapan Beta dan seluruh rakyat negeri ini agar keharmonian dan kesejahteraan terus berkekalan melalui perlaksanaan dan pengurusan dasar yang cekap lagi berkesan.

3. Kerajaan Beta hari ini di bawah pimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun, amat peka untuk memastikan penerapan unsur perpaduan dan budaya pemikiran positif dalam kehidupan seharian yang secara tidak langsung akan dapat mengelakkan berlakunya syak wasangka, salah faham dan timbulnya sensitiviti yang boleh mengganggu gugat perpaduan di kalangan masyarakat.

4. Untuk memastikan generasi akan datang dapat terus menikmati keharmonian ini, kita perlu menguatkan semangat kebersamaan di kalangan masyarakat. **Semangat kebersamaan**, *spirit of togetherness*, boleh dipupuk dengan memberi pendidikan awal mengenai tanggungjawab sosial dan moral kepada murid-murid sekolah supaya mereka akan lebih berdisiplin dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Sebaiknya pendidikan awal ini dimulakan di rumah oleh ibu bapa dan seterusnya di sekolah oleh para guru. Di samping itu, semangat kebersamaan ini juga diterapkan melalui pelbagai aktiviti yang disertai oleh para pelajar pelbagai kaum seperti aktiviti-aktiviti sukan, kokurikulum dan sosial. Semua pihak hendaklah memberi sokongan dan galakan kepada penganjuran aktiviti seperti ini.
5. Hasilnya nanti semangat kebersamaan akan wujud dalam masyarakat dan turut menyuburkan semangat setia kawan, hormat menghormati serta saling memahami adat resam serta amalan budaya antara kaum. Masyarakat akan datang menjadi lebih matang serta mampu menyantuni semua pihak walaupun berlainan bangsa dan pegangan agama. Perpaduan yang jitu ini memastikan matlamat untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang sejahtera dapat dicapai.

### **Prestasi Ekonomi dan Kewangan Negeri**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

6. Berdasarkan situasi semasa, prestasi ekonomi negeri ini telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi semua sektor, iaitu telah meningkat daripada

RM1.41 bilion pada tahun 2017, kepada RM2.86 bilion pada tahun 2018. Daripada jumlah itu, lebih 56 peratus adalah disumbangkan oleh Pelaburan Asing. Pertumbuhan ini dijangka akan terus mampan pada tahun 2019 dengan sokongan berterusan daripada sektor swasta.

7. Bagi terus memacu pertumbuhan ekonomi negeri supaya kekal berdaya saing, Beta telah disembah maklum bahawa Kerajaan Negeri sedang meneroka potensi baharu *resillience economy* yang berasaskan penggunaan teknologi terkini, modal insan berkemahiran tinggi dan sektor pembuatan berskala besar. Ini akan menjadikan negeri ini kekal berada di landasan pertumbuhan yang mantap walaupun berdepan dengan prestasi ekonomi global yang perlahan.

8. Bagi maksud ini, Beta menyeru supaya Kerajaan Beta mempergiatkan usaha untuk menarik penyertaan pelabur melalui pelbagai pendekatan, seperti membantu para pelabur berpotensi dalam *business matching*, perbincangan dua hala dan menggiatkan promosi pelaburan di peringkat domestik dan luar negara. Di samping itu, prasarana dan kemudahan bagi pelaburan berteknologi tinggi harus terus dipertingkatkan agar Negeri Sembilan kekal menjadi destinasi pilihan pelabur.

9. Dalam aspek pengurusan kewangan pula, beta berasa sukacita apabila jumlah hasil Kerajaan Negeri telah meningkat kepada RM421 juta pada tahun 2018 berbanding RM413 juta pada tahun 2017. Hasil tahun 2018 juga melepas sasaran yang dibajetkan iaitu RM412 juta. Beta berharap pencapaian yang cemerlang ini akan diteruskan bagi tahun 2019 dengan jangkaan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM430 juta berdasarkan belanjawan yang telah disediakan.

## **Kesejahteraan Rakyat**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

10. Sebagai sebuah Kerajaan yang menerapkan amalan Bersih, Muafakat, Sejahtera, keperihatinan yang diberikan bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi negeri, tetapi juga kepada kehidupan setiap lapisan masyarakat. Ini dapat dilihat melalui beberapa insentif yang telah dibentangkan semasa pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2019 pada bulan Disember 2018 yang lalu.
11. Antara insentif yang diberikan ialah bantuan ibu tunggal secara *one-off* sebanyak RM200, bantuan anak sekolah bernilai RM50 sebulan kepada 1,500 pelajar sekolah kategori B40 serta kenaikan bantuan bulanan am kepada 2,490 orang OKU daripada RM140 menjadi RM200 sebulan.
12. Selain itu, Kerajaan Beta juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM3 juta bagi membantu sekolah-sekolah tafhib swasta, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah swasta lain, bagi membantu meningkatkan persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran yang lebih kondusif. Tidak dilupakan, seramai 1,500 guru KAFA sepenuh masa turut menerima kenaikan elauan sebanyak RM950 sebulan berbanding RM900 sebulan yang telah diterima selama ini.
13. Belia adalah masa depan kita. Oleh itu, tenaga dan usia mereka sewajarnya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Bagi maksud ini, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi tujuan menyokong belia-belia Negeri untuk menceburi bidang

keusahawanan melalui Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan. Mereka juga diberikan peluang untuk meneroka dan membangunkan tanah-tanah terbiar di seluruh negeri dengan penumpuan kepada bidang pertanian.

14. Tidak ketinggalan adalah golongan wanita yang turut menerima manfaat dalam Belanjawan Negeri 2019. Satu inisiatif baru yang dikenali sebagai *Power House – Wanita Gemilang* telah diwujudkan bagi melatih dan melahirkan lebih ramai golongan wanita yang berkemahiran dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.6 juta.

15. Kesungguhan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan rakyat diterjemahkan melalui penyediaan perkhidmatan Bas Percuma di Bandar Seremban. Dengan slogan *Khidmat Rakyat NS*, Bas Percuma ini telah dilancarkan pada 22 Mac 2019 yang lalu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM300 ribu.

16. Seterusnya ialah insentif kepada para Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita yang berkhidmat di masjid dan surau. Mereka menikmati kenaikan elaun kepada RM400 hingga RM500 sebulan bagi membantu melicinkan urusan pentadbiran dan pengurusan masjid dan surau. Kerajaan Negeri juga tidak meminggirkan kepentingan dan keperluan masyarakat bukan Islam. Bagi Tahun 2019, sejumlah RM1.5 juta telah diperuntukkan kepada Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam untuk pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti keagamaan berlandaskan kepercayaan penganut masing-masing.

17. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM1.23 juta telah disediakan bagi menampung kenaikan elaun Dato'-Dato Lembaga. Pelaksanaan pelbagai aktiviti adat

akan menjadikan keunikan Negeri Sembilan terus dapat dirasai oleh rakyat Negeri Sembilan sendiri khususnya dan masyarakat luar amnya. Melalui perancangan yang diterajui oleh Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Beta percaya perkembangan institusi adat Negeri Sembilan akan terus dapat disemarakkan secara lebih efisien dan berkesan.

18. Selain daripada insentif yang disalurkan secara terus kepada rakyat dan penerima, perancangan program pembangunan fizikal juga amat penting bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri ini. Peruntukan pembangunan tahun 2019 berjumlah RM116.9 juta seharusnya dibelanjakan secara tepat agar hasil setiap projek yang dilaksanakan dapat dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat Negeri Sembilan. Pembangunan seperti program pencahayaan negeri, pembangunan rumah mampu milik, pembinaan jalan-jalan baharu luar bandar merupakan satu bentuk pulangan yang dikembalikan terus kepada semua rakyat tanpa mengira pegangan agama dan fahaman politik.

19. Pendemokrasian pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kariah merupakan pendekatan baru yang diperkenalkan dalam memperkasa institusi masjid di Negeri Sembilan. Pelantikan dilaksanakan menerusi proses undian oleh ahli-ahli kariah melibatkan keseluruhannya sebanyak 279 buah masjid. Pendekatan ini dapat merealisasikan hasrat untuk mewujudkan pengurusan masjid yang lebih harmoni serta menitikberatkan elemen muafakat dalam kariah masing-masing.

## **Pencapaian Yang Membanggakan Bagi Negeri Sembilan**

20. Beta mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian cemerlang Negeri Sembilan bagi Sijil Pelajaran Malaysia dan masih kekal menduduki negeri kedua terbaik selama tiga tahun berturut-turut. Pencapaian calon di luar bandar pula dilihat semakin memberangsangkan dengan peningkatan Gred Purata Sekolah yang sangat ketara. Pencapaian ini juga didapati menyamai pencapaian Gred Purata Sekolah untuk calon di bandar. Ini membuktikan bahawa sudah tiada jurang perbezaan pencapaian SPM antara pelajar bandar dan luar bandar.
21. Negeri Sembilan kini diberi penghormatan yang lebih tinggi apabila terpilih untuk menjadi tuan rumah bagi program-program utama peringkat kebangsaan. Baru-baru ini Negeri Sembilan telah terpilih untuk menjadi tuan rumah Majlis Rumah Terbuka Malaysia Sempena Tahun Baru Cina yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Seremban 2 pada 17 Februari yang lalu. Majlis ini telah memperlihatkan sokongan rakyat terhadap usaha perpaduan dan persefahaman masyarakat pelbagai kaum.
22. Seterusnya, Penganjuran Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Tahun 2019 Peringkat Kebangsaan telah berlangsung selama 6 hari pada 17 hingga 22 Mac yang lalu dengan penyertaan dari semua negeri di Malaysia. Lebih membanggakan lagi adalah dengan kemenangan wakil Negeri Sembilan menjadi Johan Qariah Tilawah Al-Quran dan Johan Keseluruhan Kategori Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

23. Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan ke-67 pada 24 Mac 2019 juga turut dilaksanakan di Negeri Sembilan. Harapan Beta agar kejayaan penganjuran pelbagai program peringkat kebangsaan ini menjadi landasan untuk Negeri Sembilan membuktikan kemampuan menerajui program-program utama negara dan seterusnya membuka peluang untuk menerajui program peringkat antarabangsa.

### **Pembangunan Berterusan Negeri Sembilan**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

24. Kerajaan Beta komited untuk meneruskan kemajuan negeri ini merangkumi pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar dengan matlamat setiap masyarakat dapat menikmati kemajuan secara seimbang dan saksama. Sehubungan itu, bagi pengkhususan pembangunan di kawasan bandar, Kerajaan telah melakukan beberapa penyesuaian ke atas perancangan asal Malaysia Vision Valley yang kini dikenali sebagai MVV 2.0. Melalui MVV 2.0, Kerajaan telah menetapkan fokus kepada industri berteknologi tinggi, industri perkhidmatan dan pelancongan, sektor pendidikan dan penyelidikan berasaskan kemahiran serta hab logistik, penerbangan, maritim dan perkhidmatan khusus.

25. Pada masa yang sama, perancangan pembangunan di kawasan luar bandar juga sedang dilaksanakan dengan mengambil kira keunikan dan kelebihan yang dimiliki oleh setiap kawasan. Selain sektor pertanian, setiap kawasan luar bandar memiliki keistimewaan yang tersendiri seperti kepelbagaian adat budaya dan warisan, peninggalan sejarah, keindahan semula jadi pantai serta kekayaan

biodiversiti. Keistimewaan ini berpotensi dijadikan destinasi pelancongan yang mampu berkembang pesat di peringkat domestik dan antarabangsa. Usaha bagi mengembangkan potensi sektor pelancongan kini akan lebih ditumpukan kepada eko-pelancongan sebanyak 30 peratus, warisan dan budaya sebanyak 10 peratus dan pantai sebanyak 60 peratus. Selain itu, galakan penglibatan komuniti setempat dalam program *Homestay* akan lebih dipergiat memandangkan bidang ini mampu memberi peluang peningkatan ekonomi secara langsung kepada masyarakat tempatan.

26. Di samping itu, usaha berterusan juga sedang dilaksanakan untuk pembangunan tanah terbiar di kawasan luar bandar. Bagi menzahirkan kesungguhan ini, sejumlah RM1.7 juta telah diperuntukkan untuk sektor pertanian di bawah belanjawan 2019 khusus untuk menjayakan pembangunan tanah terbiar di Negeri Sembilan. Keseluruhan pendekatan ini diyakini dapat mengoptimumkan pembangunan ekonomi negeri, seterusnya memastikan tiada lapisan masyarakat yang terpinggir daripada mengecapi hasil pembangunan yang telah dilaksanakan.

27. Beta telah disembah maklum, Kerajaan Negeri pada masa kini sedang merancakkan usaha untuk merealisasikan hasrat rakyat khususnya dari kalangan golongan berpendapatan RM3,500 dan ke bawah untuk memiliki rumah kediaman sendiri terutamanya di bawah Program Perumahan Rakyat dan rumah-rumah mampu milik. Penyediaan unit kediaman yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan adalah penting bagi rakyat kerana ia merupakan keperluan asas untuk menjalani kehidupan seharian yang lebih berkualiti dengan persekitaran yang selamat dan selesa.

28. Kerajaan Negeri juga tidak meminggirkan keperluan anggota penjawat awam untuk memiliki rumah sendiri. Ini adalah merupakan satu langkah proaktif untuk mendepani masalah penjawat awam yang masih belum memiliki rumah. Perumahan yang akan dibangunkan nanti akan dijual pada kadar yang mampu dimiliki oleh penjawat awam yang meliputi pelbagai gred jawatan.

## **Penutup**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

29. Sekali lagi Beta menyeru agar semangat kebersamaan diperkuatkan supaya keamanan, keharmonian serta kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Kesefahaman dan sifat saling menghormati antara satu sama lain akan lebih menjamin ketenteraman dan masyarakat yang bersatu-padu. Dengan amalan baik seperti ini, masyarakat akan dapat hidup dengan aman dan makmur serta dapat mengecapi kejayaan bersama.

30. Beta yakin bahawa Menteri Besar serta seluruh jentera pentadbiran akan memastikan lonjakan pembangunan di negeri ini berada di landasan yang tepat. Pelbagai ruang dan platform telah tersedia untuk rakyat menyuarakan hasrat dan pandangan masing-masing.

31. Menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Dewan yang telah diberikan amanah dan kepercayaan untuk sentiasa mengutamakan pembangunan masyarakat dan negeri dengan bersama-sama menyumbang tenaga dan idea. Ketahuilah bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa menjadi perhatian dan dinilai setiap waktu oleh rakyat. Oleh

yang demikian, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan intelektual atas perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama. Jadikanlah Dewan ini sebagai wahana untuk mengeratkan perpaduan rakyat dan memajukan negeri agar rakyat terus bermuafakat dan negeri terus sejahtera.

32. Akhir titah, Beta mengingatkan Ahli Dewan yang mulia ini agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Peraturan-Peraturan Tetap Dewan juga hendaklah sentiasa dipatuhi semasa berhujah dan sepanjang persidangan berlangsung. Berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan. Berkhidmatlah dengan ikhlas demi negeri yang kita kasih, agar beroleh kejayaan seperti yang diimpikan.

33. Beta dan Tunku Ampuan Besar sentiasa berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat Beta untuk terus dilimpahi kemakmuran yang berkekalan.

Dengan lafaz suci **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, Beta merasmikan Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri ke-14.

Sekian.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*